

LEX READ

NOVEMBER 2023

Transgender
Women
In Sports

PM DR.
NIK SALIDA

MENULIS



Equal Treatment or
Equal Outcomes?



JUU LEX READ

e-ISSN: 2811-3462

'BODY SHAMING': JENAKA ATAU JENAYAH?

Oleh: Nor Laila Ahmad (norlailaahmad@uitm.edu.my)
& Noorsaliza Amin Nudin (noorsaliza9648@uitm.edu.my)



PENGENALAN

Fenomena ejekan tubuh atau lebih dikenali sebagai 'body shaming' adalah tidak asing lagi di kalangan rakyat Malaysia dan sering juga menjadi bualan hangat di seluruh dunia. 'Body shaming' merupakan perbuatan mengejek, mengkritik atau menghina fizikal seseorang terutamanya melibatkan berat badan.

Antara komen atau kritikan yang dikatakan 'body shaming' ialah "Anda terlalu hodoh dan gemuk!", "Muka anda seperti jalan tar!", "Rupa fizikal anda sangat menakutkan!" dan sebagainya yang boleh memalukan seseorang sama ada secara langsung atau tidak langsung. Selain itu, 'body shaming' bukan sahaja melibatkan penghinaan rupa paras mangsa, tetapi juga melibatkan perbezaan warna kulit, gaya rambut serta cara seseorang itu berpakaian.

Terdapat banyak contoh kes di mana seseorang itu menghina dan mengutuk orang lain kerana penampilan fizikal mereka. Antara kes berkaitan yang dilaporkan termasuklah seorang gadis berusia 21 tahun dibuli oleh pengguna aplikasi TikTok ketika dia sedang melakukan video tutorial solekan secara langsung, mengatakan dia kelihatan hodoh dan harus memakai topi keledar (Berita Harian, 23 Januari 2021).

*"You define beauty yourself.
Society doesn't define your
beauty."
- Lady Gaga*

Baru-baru ini juga dunia hiburan tanah air menjadi hangat apabila pelakon terkenal yang dikenali sebagai Datuk Aaron Aziz juga dilaporkan telah menjadi mangsa 'body shaming' apabila beliau tidak terpilih untuk berlakon dalam suatu drama atas sebab usia yang semakin meningkat dan faktor tubuh badan yang gemuk (Sinar Harian, 25 Mac 2023).

Tidak ramai yang menyangka komen negatif atau hinaan yang berterusan kepada mangsa 'body shaming' boleh menyebabkan kecelaruan emosi dan fizikal.

Pelbagai kesan negatif yang akan dihadapi oleh mangsa 'body shaming' termasuklah kemurungan, hilang daya keyakinan diri, menjadi pendendam, pemarah dan penghinaan fizikal secara konsisten juga boleh menyebabkan kematian akibat bunuh diri.

'Body shaming' dari perspektif undang-undang Malaysia

Salah satu impak negatif yang sering dihadapi oleh mangsa 'body shaming' ialah kecelaruan kesihatan mental kerana mangsa akan menjadi malu dan hilang keyakinan diri. Oleh itu, dalam usaha membendung masalah depresi yang teruk di kalangan rakyat Malaysia, kerajaan telah mengambil langkah sewajarnya dengan memberi hukuman setimpal kepada pesalah 'body shaming' atas talian.

Seksyen 211 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, menyatakan:

(1) tiada mana-mana orang yang menggunakan perkhidmatan aplikasi kandungan, boleh memberikan kandungan yang sumbang, lucah, palsu, mengancam atau jelik sifatnya dengan niat untuk mengacau, mendera, mengugut atau mengganggu mana-mana orang lain.

(2) Seseorang yang melanggar peruntukan di atas adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan juga boleh didenda selanjutnya RM1,000 bagi setiap hari atau sebahagian daripada sehari kesalahan diteruskan selepas pensabitan.



Justeru, dalam Akta yang sama juga Malaysia telah mempertingkatkan usaha untuk mengekang budaya 'body shaming' di kalangan masyarakat dengan menjenayahkan pesalah dengan denda sehingga RM50,000 atau penjara sehingga setahun di bawah **seksyen 233 (1) (b)** Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Memetik satu kenyataan laporan akhbar oleh mantan Ketua Polis Negara, Abdul Hamid Bador menegaskan bahawa sebarang perbuatan berbentuk 'body shaming' dan memperlekehkan tubuh badan seseorang merupakan suatu jenayah yang boleh dihukum di bawah **seksyen 233 (1) (a) (b)** Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, **seksyen 509** Kanun Keseksaan dan **seksyen 14** Akta Kesalahan Kecil 1955 (Sinar Harian, 20 September 2020).

Seksyen 509 Kanun Keseksaan
memperuntukkan bahawa:

Barang siapa dengan maksud hendak mengaibkan kehormatan seseorang, menyebut apa-apa perkataan, membuat apa-apa bunyi atau isyarat, atau menunjukkan apa-apa benda, dengan maksud supaya perkataan atau bunyi itu didengar, atau supaya isyarat atau benda itu dilihat oleh seseorang itu, atau mengganggu kesantunan seseorang itu, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai lima tahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.

Dalam konteks ini, jika didapati bersalah, pelaku 'body shaming' yang telah disabitkan kesalahannya boleh dihukum sama ada dengan denda, atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Selain itu, **seksyen 14** Akta Kesalahan Kecil 1955 (Akta 336) pula memperuntukkan denda yang tidak melebihi RM100 bagi setiap kesalahan penggunaan perkataan yang mendatangkan aib seperti kurang sopan, mengugut atau menghina seseorang.

Walaupun tiada undang-undang khusus berkaitan 'body shaming', tetapi undang-undang sedia ada seperti yang dibincangkan diatas juga boleh digunakan dengan sewajarnya. Selain itu, dengan inisiatif pihak berkuasa, diharapkan orang ramai akan lebih peka dengan kata-kata yang mereka lontarkan agar budaya 'body shaming' dapat dihentikan dengan serta merta.



Adakah 'body shaming' suatu jenayah?

'Body shaming' boleh diklasifikasikan sebagai buli yang akan memberi impak negatif kepada mangsanya. Berdasarkan kenyataan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, kebanyakan mangsa 'body shaming' akan menghadapi tekanan emosi yang teruk sehingga boleh mengganggu kesihatan mental mereka.

Tindakan pantas perlu dibuat oleh mangsa 'body shaming' terutamanya apabila perbuatan tersebut berlaku di atas talian.

Merujuk kepada kenyataan Pengerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Dr. Fadhlullah Suhaimi bin Abdul Malek, setiap mangsa perlu membuat laporan polis terlebih dahulu bagi membolehkan SKMM mengambil tindakan seperti memberikan bantuan teknikal bagi tujuan pengumpulan bukti 'body shaming'.

Selain membuat laporan polis, peguam Nor Zabetha Muhammad Nor menggalakkan mangsa 'body shaming' untuk membuat aduan di laman web SKMM iaitu www.mcmc.gov.my.

Bukti yang perlu dikemukakan oleh mangsa adalah seperti tangkapan layar atau 'screenshot' mesej digital yang mengandungi unsur 'body shaming' terhadap mangsa. Pengumpulan bukti adalah penting bagi membolehkan pihak polis dan SKMM menjalankan siasatan lanjut.

Walaupun setiap pengguna internet mempunyai kebebasan bersuara yang dijamin dalam Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan, akan tetapi kebebasan ini juga mempunyai had. Seseorang tidak boleh mencemarkan nama dan maruah individu lain kerana pesalah 'body shaming' tersebut juga boleh didakwa di bawah undang-undang Malaysia seperti Akta Fitnah 1957.

PENUTUP

Tuntasnya, 'body shaming' merupakan suatu jenayah dan bukanlah jenaka atau gurauan yang boleh dipandang ringan oleh rakyat Malaysia. Fenomena 'body shaming' tidak seharusnya dipandang remeh kerana ia akan memberi pelbagai natijah negatif yang turut melibatkan kes bunuh diri oleh mangsa. Namun demikian, undang-undang Malaysia yang berpaksikan kepada perlindungan mangsa 'body shaming' masih terkebelakang memandangkan tiada sebarang akta atau klausa yang khusus dalam menangani kemelut jenayah ini.



Pihak berkuasa perlu mengambil inisiatif yang lebih signifikan dalam usaha merangka undang-undang Malaysia yang khusus kepada 'body shaming' atau meminda undang-undang sedia ada bagi mengelakkan budaya ini menular lebih parah lagi. Di samping itu, setiap individu di dalam masyarakat juga perlu memainkan peranan penting agar lebih berhati-hati sebelum memberi komen berkaitan rupa fizikal, warna kulit atau penampilan seseorang. Ingatlah, 'body shaming' merupakan suatu jenayah!

RUJUKAN

- Ali, S. F. (2023, March 25). Isu Syamsul, Aaron Aziz: Netizen terpaksa kerja lebih masa. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/251318/berita/hiburan/isu-syamsul-aaron-aziz-netizen-terpaksa-kerja-lebih-masa>.
- Berita Harian. (23 January 2021). Mangsa 'body shaming' boleh dakwa pelaku di mahkamah. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/01/779047/mangsa-body-shaming-boleh-dakwa-pelaku-di-mahkamah>.
- Gam RT, Singh SK, Manar M, Kar SK, Gupta A. Body shaming among school-going adolescents: prevalence and predictors. *Int J Community Med Public Health* 2020;7:1324-8.
- Md Shah, M., Mahzan, S., Nurr Sadikan, S., Shahudin, M., & Johari, N. (2021). Polemik 'Body Shaming' Di Malaysia: Suatu Analisis Awal. *International Journal Of Social Science Research*, 3(1), 67-74.
- Ministry of Health (2019, April). Retrieved from <http://www.moh.gov.my/moh/resources/Buletin%20KKM/2019/E%20BULETIN%20APRIL%202019/les/basichtml/page8.html>.
- Mustafa, M. S. A., Mahat, I. R., Shah, M. A. M. M., Ali, N. A. M., Mohideen, R. S., & Mahzan, S. (2022). The Awareness of the Impact of Body Shaming among Youth. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(4), 1096-1110
- Ramli. A. M. (2020, September 20). Body shaming kesalahan jenayah. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/101826/BERITA/Nasional/Body-shaming-kesalahan-jenayah>.
- Zainal, A. B. Is Body Shaming a Crime? [https://achieve.lausd.net/cms/lib/CA01000043/Centricity/domain/625/pdfs/-retrieved 10/10/2021](https://achieve.lausd.net/cms/lib/CA01000043/Centricity/domain/625/pdfs/-retrieved%2010/10/2021).